



# JIHAD DALAM BISNES

Kolum Tan Sri Muhammad Ali Hashim

**B**aru-baru ini, dalam persidangan Mesyuarat Agung Tahunan Dewan Perdagangan Islam Malaysia, saya telah menganjurkan supaya bangsa Melayu melonjakkan sasaran ekonomi mereka daripada 30 peratus seperti yang disasarkan selama ini melalui Dasar Ekonomi Baru (DEB) kepada 65 peratus. Saya telah pun menjangka bahawa angka 65 peratus yang saya unjurkan akan dipandang sepi oleh bangsa Melayu khususnya.

Malah saya tidak hairan sekiranya ada di kalangan bangsa Melayu yang akan meragui malah mempertikaikannya, kerana pada pandangan kasar ia nampak tidak realistic dan sukar dicapai. Kalau 30 peratus belum tercapai, apa lagi 65 peratus!

Di pihak bukan Melayu pula sasaran ini pada zahirnya kelihatan mencabar dan menggugat kedudukan, hak serta pencapaian mereka. Ringkasnya ini bukan cerita yang ingin mereka dengar. Apapun, saya masih kuat berpendapat bahawa sasaran 65 peratus ini wajar diterima dan disambut baik. Bagi umat Melayu khususnya, tidak dapat tidak, wajib diusaha dan dijayakan sepenuhnya oleh mereka. Lebih-lebih lagi dalam konteks kedudukan pencapaian Melayu yang ternyata telah gagal menjayakan sepenuhnya sasaran "DEB 30%".

Sebenarnya matlamat "DEB 65%" ini telah menjadi landasan perjuangan seluruh warga dalam Kumpulan Johor Corporation (JCorp) selama ini. Kumpulan JCorp dengan jualan kumpulan hampir RM5 bilion setahun, kini melibatkan 261 buah syarikat (termasuk 7 yang tersenarai di Bursa Malaysia) serta lebih 50,000 warga kerja di seluruh pelusuk Kumpulan JCorp. Jihad Bisnes akan terus menjadi landasan motivasi, sumber semangat yang memberi dorongan kepada JCorp. Ini akan menjadi teras kepada segala kegagahan dan kegigihan yang ada pada "intrapreneur-intrapreneur" JCorp dalam membina bisnes dan mencipta kejayaan masing-masing.

Kewajaran "DEB 65%" ini terletak semata-mata di atas landasan keadilan dan kesaksamaannya. Kerana, sekalipun



## Konsep Hijrah Untuk Melayu Menuju 'DEB 65%'

### Jihad Bisnes mampu melahirkan umat dan khalifah terbilang di bumi Allah

menurut sasaran asal DEB, andainya setelah Melayu berjaya mencapai sepenuhnya sasaran 30 peratus, pencapaian ini pada hakikatnya masih tidak mencerminkan satu kedudukan yang adil dan saksama bagi bangsa Melayu. Hakikatnya, peratusan warganegara berketurunan Melayu dan bumiputera amnya hampir 65 peratus, dan mana-mana pencapaian yang kurang dari angka ini jelas menggambarkan satu kekurangan dan ketempangan.

Pada pandangan saya, yang paling diperlukan untuk menjayakan matlamat "DEB 65%" ini dan diterima di kalangan masyarakat besar sebagai satu gagasan pemikiran bersifat Hijrah minda atau "paradigm shift". Di peringkat awal

ini, Hijrah paling utama ialah Hijrah minda dan pemikiran di kalangan bangsa Melayu sendiri!

Hijrah ini diperlukan daripada beberapa perspektif dan saya akan melihat dari sudut dan dimensi ekonomi pacuan bisnes hari ini.

Pertama, dalam kedudukan bangsa yang semakin meruncing di bidang ekonomi, dan dalam keadaan umat Islam yang tertekan serta terpinggir di persada dunia global hari ini, bangsa Melayu dan umat Islam tidak ada pilihan selain daripada berhijrah mendikarikan diri dan bangsa mereka sendiri. Hijrah untuk berdikari ini pula memerlukan tindakan bersama tarafnya umpama satu

jihad, khususnya dalam bidang ekonomi. Jihad ekonomi ini wajib dimulakan oleh usahawan dan ahli bisnes Melayu-Muslim, khususnya menerusi menajayakan dan mengembangkan usaha perniagaan dan bisnes masing-masing.

Dengan demikian, pada pandangan saya, "DEB 65%" harus dijadikan sasaran awal Jihad Bisnes bangsa Melayu. Penting juga ditekankan bahawa sasaran 65 peratus ini tidak pula harus terikat pada satu-satu tempoh had masa tertentu. (Bangsa Melayu dan umat Islam harus berpegang kepada landasan prinsip perjuangan dari sudut dimensi masa yang dianjurkan oleh Islam. Salah satu contoh tercermin daripada Sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud, Sekalipun kita pasti esok akan kiamat, jika terdapat benih di tangan, tanam benih itu

Dalam menajayakan Jihad Bisnes, kita wajib segera berhijrah dari keadaan selesa masa kini kepada penanaman azam dan cita-cita tinggi. Bergerak - daripada berjiwa kecil kepada kegagahan dan kegigihan. Malah berusaha dan menjadikan bisnes sebagai sembilan per sepuluh daripada sumber rezeki untuk kehidupan.

Melayu dan umat Islam wajib segera menghijrahkan sikap dan pegangan hidup terhadap berkerja, berusaha dan berbisnes daripada berpuashati terhadap apa yang dicapai kepada menebus maruah, martabat dan kedudukan. Ini harus dilaksanakan menerusi ketekunan dan kegigihan yang tidak mengenal penat dan lelah, serta azam yang tidak mengizinkan rintangan dan halangan membuntukan jalan dan membantutkan usaha.

Semangat juang mereka wajib diperkukuhkan dengan sikap menajayakan usaha bisnes dan menginginkan keuntungan serta kekayaan "seolah-olah mereka akan hidup selama-lamanya".

Disamping itu, semangat dan roh Jihad Bisnes juga menuntut penerapan nilai kemuliaan dan pengertian yang lebih tinggi nilainya ke atas segala usaha serta hasil usaha mereka. Tegasnya, ahli bisnes yang berjihad menerusi usaha bisnesnya bukan peniaga dan usahawan biasa. Mereka mempunyai satu perjuangan yang lebih besar pengertian dan maknanya. Malah lebih tinggi dan mulia sasarannya dan bukan sekadar menjana harta kekayaan dan mengejar kehidupan mewah semata-mata.

Dengan demikian, dalam menzahirkan semangat dan aspirasi jihad, mereka juga wajib mendedikasikan segala hasil usaha, impak dan kesan sampingan kejayaan

## Sesungguhnya semua aset dan harta kekayaan yang diperolehi adalah amanah besar Allah s.w.t.

bisnes dan harta kekayaan masing-masing. Bermakna mereka mesti juga memaksimumkan manfaat kepada semua pihak yang berkepentingan, termasuk untuk masyarakat besar, negara dan umat. Mereka wajib juga memenuhi semua tuntutan ke atas harta kekayaan, dan membawa sikap, bahawa sesungguhnya semua aset dan harta kekayaan yang diperolehi adalah amanah besar Allah s.w.t.

Tidak kurang pentingnya, mereka juga wajib menggunakan hikmah berbisnes dan kebijaksanaan berniaga seperti dengan kelebihan aset, ketinggian imej dan nama serta jenama-baik, kelebihan jaringan bisnes yang bernilai tinggi, keupayaan dan kekuatan organisasi, untuk memertabatkan semula bangsa dan umat.

Mereka sewajarnya sanggup bermati-matian untuk membina dan membela bangsa agama dan negara. Dalam hal ini, usahawan dan ahli bisnes yang berjihad menerusi usaha bisnes, akan turut gigih dan gagah dalam menggunakan segala kelebihan dan keupayaan untuk beramal, berjariah, bersedekah dan berwakaf. Mereka akan melihat semuanya daripada perspektif "seolah-olah mereka akan mati esok!"

Selain itu, strategi dan pendekatan juga perlu dihijrahkan. Segala kelemahan, punca ketirisan dan kebocoran yang menjadi punca kegagalan "DEB 30%" sebelum ini wajib diketepikan. Seluruh daya pemikiran dan tenaga minda, daya kreatif dan imaginasi Melayu-Muslim wajib digembleng dan ditunjukkan sepenuhnya kepada usaha mencari formula baru yang lebih menjanjikan kejayaan dalam mencapai matlamat "DEB 65%" sekaligus perjuangan Jihad Bisnes mereka.

Bangsa Melayu harus memanfaatkan pengalaman penggunaan strategi organisasi dan pendekatan bisnes amalan korporat dan GLC Melayu yang berjaya dan jelas terbukti keunggulannya. Semua ini harus dimanfaatkan bersama dan

dijadikan model untuk di guna pakai bagi mencapai kejayaan lebih besar dan meluas masa depan.

Satu lagi hijrah penting ialah dalam menggunakan pendekatan yang memanfaatkan sepenuhnya entiti organisasi korporat itu sendiri. Kerapuhan hak milik ekonomi Melayu selama ini banyak berpunca daripada pergantungan besar hak-milik bisnes dan korporat yang disandarkan kepada pegangan individu dan keluarga.

Andainya ini punca besar kelemahan, maka sewajarnya kekuatan entrepreneurship yang ada pada individu handalan Melayu di ubah-suai, dihijrahkan dan distrukturkan semula. Mereka perlu berlandaskan kepada kekuatan dan ketahanan organisasi korporat yang jelas kelihatan lebih berdayatahan dan berkesinambungan.

Malah lebih dari itu, pahlawan korporat Melayu handalan harus disokong dan digalakkan sehingga berjaya ke puncak paling tinggi. Dengan demikian formula dan susunan strategi mencapai matlamat "DEB 65%" perlu didampingi langkah memberi pahlawan korporat dan wira bisnes ini ruang dan peranan besar. Dengan ini mereka mampu membawa gagasan untuk berjaya membina korporat dan GLC Melayu-Muslim ke tahap MNC atau gergasi korporat global, yang mampu bersaing di peringkat global.

Sewajarnya kita mesti sudah menyusun dan menajayakan strategi membina gergasi korporat besar Melayu-Muslim ini. Ini kerana, bangsa Melayu dan umat Islam sudah dingatkan dan dijelaskan di dalam Al Qur'an, yang menyatakan dalam Ayat 4, Surah As Saff, bahawa Allah mengasihi orang-orang yang berjihad di jalanNya supaya melakukannya "dalam barisan-barisan yang teratur rapi seolah-olah mereka dalam satu bangunan yang tersusun kukuh".

Dalam semangat kita menyambut perayaan Ma'al Hijrah 1428 ini, khususnya kepada warga usahawan dan bisnes Melayu-Muslim, bersamalah kita menghijrahkan pemikiran dan minda, sikap dan pandangan supaya dapat kita jayakan sepenuhnya seruan Jihad Bisnes untuk membina semula kekuatan ekonomi bangsa dan umat.

Kerana, dalam sistem ekonomi yang dipacu bisnes dalam pasaran hari ini, kekuatan ekonomi ciptaan bisnes inilah sebenarnya teras permulaan dan landasan utama sebelum boleh kita mengemalkan kedaulatan Islam sehingga umatnya menjadi umat terbaik dan khalifah terbilang di muka bumi ini, insya Allah. **MM**